

Headline	TH tanggung RM408.2j kos 31,600 jemaah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	535 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,715
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,145



**ZON**  
www.bharian@bh.com.my

**Kesan awal kanser**  
Malaysia negara Asia pertama perluaskan akses perkhidmatan kaunseling genetik

**Rawat segera simpton**  
Di dalam!

**Kos tunai haji kekal RM9,980 tahun ini**  
Muka 7

Headline	TH tanggung RM408.2j kos 31,600 jemaah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	1,7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	535 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,715
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,145

# TH tanggung RM408.2j kos 31,600 jemaah

Bakal haji pakej muassasah kekal bayar RM9,980

**Kuala Lumpur:** Jemaah haji muassasah kekal membayar RM9,980 bagi musim haji 1441H/2020M daripada kos sebenar haji RM22,900.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mujahid Yusof, berkata baki RM12,920 bagi setiap jemaah akan ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji (TH) bagi semua 31,600 orang, menjadikan kos keseluruhan ditanggung TH RM408.2 juta.

“Ini tidak termasuk kos lain yang ditanggung TH, seperti penganjuran kursus haji perdana sebanyak kira-kira RM70 juta.

“Jemaah haji muassasah kekal bayar RM9,980 seperti 10 tahun lalu. Kalau kita bandingkan pada 2009, kos sebenar haji hanya kira-kira RM12,000 dan ia meningkat setiap tahun,” katanya selepas majlis prapelancaran Residensi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di sini, semalam.

Mengulas desakan supaya suruhanjaya siasatan diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan penyelewengan dalam TH, Mujahid berkata, RCI sepatutnya ditubuhkan bagi menyelesaikan isu yang dianggap ‘misteri’.

Berlainan dengan isu berkaitan TH, beliau berkata, ia sudah dikenal pasti selepas audit dilakukan oleh PriceWaterHouseCoopers, malah laporan polis mengenainya dibuat dan kes kini dalam siasatan polis.

Mengenai Residensi MAIWP,



Mujahid pada majlis pelancaran Residensi MAIWP di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Mujahid berkata, pembinaannya dijadual bermula pada hujung tahun ini selepas proses tender selesai.

“Pembinaan pangsapuri dengan 360 unit berkenaan dicalang di tanah milik MAIWP, Taman Pelangi Jaya, Gombak. Berkeluasan 83.6 meter persegi, setiap unit tiga bilik tidur itu dicalang dijual di bawah harga RM300,000 dengan keutamaan diberikan kepada golongan B40, asnaf dan warga MAIWP sendiri yang berpendapatan rendah.

“Selepas buat tender dan sebagainya bolehlah kita lihat projek ini bermula dengan harapan kita dapat menyumbang

**Jemaah haji muassasah kekal bayar RM9,980 seperti 10 tahun lalu. Kalau kita bandingkan pada 2009, kos sebenar haji hanya RM12,000 dan ia meningkat setiap tahun.**

**Mujahid Yusof,**  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri

kepada dasar rumah mampu milik yang hari ini kerajaan sedang cuba habis-habisan untuk memenuhi kuota satu juta perumahan untuk rakyat yang juga projek penting bagi menyediakan kehidupan selesa kepada rakyat.

“Sebenarnya kita ada tanah lain yang sedang juga dilihat. Kita sedang perhatikan dan kita jangka banyak lagi tanah MAIWP ini akan dibangunkan,” katanya.

Kerajaan Pakatan Harapan dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 berjanji menyediakan satu juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun pentadbirannya. BERNAMA